



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA**  
**BESAR (SMART SBB) DI KAWASAN IADA SEBERANG PERAK**

**PADA**  
**22 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**  
**10.30 PAGI**

**BERTEMPAT DI**  
**IADA SEBERANG PERAK, CAWANGAN ULU DEDAP, PERAK**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

**(Rujuk Salutasi Final di Lapangan)**

**YANG BERBAHAGIA DATUK BADRUL HISHAM BIN MOHD**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

**YANG BERHORMAT DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN**

Ahli Parlimen Pasir Salak

**YANG BERHORMAT DATUK DR WAN NORASHIKIN BINTI WAN NOORDIN**

Ahli Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah

**YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASAN**

Ketua Pengarah Pertanian Malaysia

**YANG BERBAHAGIA DATUK AZMAN BIN MAHMOOD**

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Industri Padi

**YANG DIHORMATI ENCIK MOHD SHAFIE BIN MOHD SIDEK**

Pengarah IADA Seberang Perak

Pegawai-pegawai kanan Kementerian

Ketua-ketua Pengarah Jabatan/ Agensi Negeri dan Persekutuan

Wakil-Wakil Jabatan dan Agensi

Rakan-Rakan Media

Ketua-Ketua Blok, Ketua-Ketua Komuniti serta semua Pesawah IADA Seberang Perak

Wakil-wakil syarikat peneraju

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Pertamanya, saya rakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi meluangkan masa untuk sama-sama hadir bagi menjayakan **Majlis Perasmian Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak** pada pagi ini.
2. Tahniah dan terima kasih jua kepada IADA Seberang Perak atas penganjuran majlis yang sangat bermakna ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Statistik terbaharu yang dikeluarkan oleh MAFI dan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 12 September 2022 menunjukkan bahawa pengeluaran padi negara telah **meningkat sebanyak 3.1 peratus pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020**.
4. Peningkatan ini amat membanggakan walaupun situasi negara berhadapan dengan pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara berikutan **penularan pandemik COVID-19 serta konflik geopolitik antarabangsa**.
5. Pencapaian ini sekali gus membuktikan pendekatan-pendekatan yang telah dan sedang dirangka oleh Kerajaan melalui MAFI menerusi **pelbagai usaha dan inisiatif bukan sahaja telah membuahkan hasil malah meningkatkan lagi tahap SSL beras negara**.
6. Ini juga selaras dengan sasaran SSL beras negara yang ditetapkan oleh Kerajaan supaya ditingkatkan **kepada 75 peratus menjelang tahun 2025 dan seterusnya 80 peratus menjelang tahun 2030**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Seperti yang kita sedia maklum, Program SMART SBB merupakan antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi terus **meningkatkan hasil pengeluaran padi serta menjamin bekalan padi dan beras negara yang berterusan**.
8. Pendekatan ini seiring dengan hasrat Kerajaan di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang antara lainnya menyasarkan **peningkatan hasil pengeluaran, mempertingkatkan kecekapan penggunaan sumber dan meningkatkan taraf hidup serta pendapatan pesawah**.
9. Inisiatif ini tidak melibatkan sebarang kos tambahan kepada Kerajaan, malah **kos operasi ditanggung sepenuhnya oleh Syarikat Peneraju**.

10. Jika diimbis kembali peringkat awal pelaksanaannya pada tahun 2021, kita telah berdepan dengan pelbagai halangan dan cabaran. Namun, berkat usaha dan libat urus yang dilaksanakan oleh MAFI melalui IADA dan Agensi serta Jabatan lain yang berkaitan, **program ini mula mendapat sambutan yang mengalakkan daripada pemain industri dan juga pesawah.**
11. Sehingga kini, **sebanyak 27 syarikat peneraju telah menyertai program ini di 10 buah negeri dengan melibatkan hampir 5,000 pesawah dengan keluasan melebihi 11,000 hektar.**
12. Mengorak langkah ke hadapan, pelaksanaan program SMART SBB akan diperluas ke fasa seterusnya dengan penglibatan yang lebih agresif oleh **syarikat swasta khususnya yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan MAFI.**
13. Kejayaan pelaksanaan program tentu sekali mampu merealisasikan hasrat kerajaan dalam **memastikan bekalan makanan negara terjamin dan berterusan sepanjang masa.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

14. Impak pelaksanaan SMART SBB di Kawasan IADA Seberang Perak jelas terbukti apabila telah menunjukkan **peningkatan hasil selepas 3 musim penanaman.**
15. Sebagai contoh, melalui kerjasama bersama FGV dan Felcra Plantation Services Sdn Bhd, program ini telah berjaya **meningkatkan hasil tuaian padi wangi Malaysia MRQ76 sebanyak 31.9 peratus, iaitu peningkatan daripada 3.92 tan metrik per hektar pada musim pertama/2021 kepada 5.17 tan metrik per hektar pada musim pertama/2022.**
16. Manakala, pelaksanaan program SMART SBB IADA Seberang Perak bersama Syarikat Peneraju BERNAS di kawasan Sungai Manik pula telah berjaya **meningkatkan hasil padi sebanyak 24 peratus, iaitu daripada 3.98 tan metrik per hektar pada musim pertama/2021 kepada 4.95 tan metrik per hektar pada musim kedua/2022.**
17. Selain daripada peningkatan hasil padi, Program Smart SBB juga mampu menjana pendapatan tambahan kepada para pesawah melalui **aktiviti integrasi seperti ternakan udang dan itik serta tanaman sampingan lain di kawasan sawah padi.**

18. Dalam pada itu, MAFI juga sedang merangka pelbagai inisiatif lain untuk pembangunan industri padi dan beras negara antaranya:
- (i) Pertama, **melancarkan inisiatif Penanaman Padi Lima (5) Kali dalam Tempoh Dua (2) Tahun**. Buat permulaan, inisiatif ini akan dilaksanakan di Kawasan Muda melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada bulan Disember 2022 sebagai musim penanaman tambahan dan akan diperluaskan secara berperingkat ke kawasan lain;
  - (ii) Kedua, **penggunaan baja organik di kawasan terpilih** bagi menambahbaik struktur tanah dan meningkatkan kesuburan tanah;
  - (iii) Ketiga, **menambahbaik infrastruktur sistem pengairan dan saliran secara holistik**; dan
  - (iv) Keempat, **pelaksanaan kajian sumber air alternatif termasuk air bawah tanah** bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber air hujan, sungai dan empangan bagi tujuan pengairan sekaligus menghadapi perubahan cuaca yang tidak menentu.
19. Seterusnya, dalam usaha yang berterusan membangunkan industri padi dan beras khususnya di kawasan jelapang di Seberang Perak ini, pada tahun 2022, **sejumlah 3.5 juta ringgit peruntukan pembangunan telah disediakan oleh MAFI untuk pembangunan kawasan jelapang padi IADA Seberang Perak yang melibatkan kawasan seluas 14,140 hektar.**
20. Skop projek ini melibatkan penyelenggaraan parit ladang, perataan tanah sawah, pembajaan organik dan pengapuran. Selain itu, **pembinaan pejabat baru IADA Seberang Perak juga telah diperuntukkan sebanyak 4 juta ringgit dan dijangka siap pada tahun 2023.**
21. Saya percaya, dengan segala usaha, pengorbanan dan jerih-perih para pesawah sekalian bersama bimbingan dari para pegawai yang komited, mampu memberi pulangan dan ganjaran hasil yang setimpal dalam **peningkatan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup golongan sasar.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

22. Pagi ini, kita akan sama-sama menyaksikan **pelancaran beg benih padi wangi Malaysia atau MRQ76 yang akan dikenali sebagai Padi Wangi Malaysia.** Pelancaran beg benih padi baharu ini bertujuan untuk mengkomersialkan padi wangi dan beras wangi Malaysia.

23. Buat masa ini juga, terdapat beberapa jenama beras wangi **yang berada di pasaran antaranya ialah SAJI Aroma, Horeca dan Sunflower hasil dari ladang program SMART SBB.**
24. Saya percaya, Program SMART SBB ini merupakan hala tuju yang tepat untuk terus mentransformasi sektor padi tempatan, selaras dengan DAN 2.0. Semoga usaha kita ini dapat membantu **meningkatkan hasil padi negara dan mengurangkan kebergantungan kepada beras import.**
25. Saya tidak berhasrat berucap dengan lebih panjang, di kesempatan ini saya **mengucapkan tahniah kepada semua pengusaha sawah yang akan menerima anugerah Pesawah Cemerlang sebentar lagi.**
26. Sekali lagi, penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan **Majlis Perasmian Smart SBB pada hari ini.**
27. **Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Program SMART SBB, di Kawasan IADA Seberang Perak.**

Sekian, terima kasih.